



KESATUAN KEBANGSAAN WARTAWAN SEMENANJUNG MALAYSIA
NATIONAL UNION OF JOURNALISTS PENINSULAR MALAYSIA

馬來西亞半島新聞從業員職工會

17 FEBRUARI, 2025

KEPADA SEMUA PENGARANG BERITA

KENYATAAN MEDIA NUJ UNTUK EDARAN SEGERA

KUALA LUMPUR: Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia (NUJM) menzahirkan dukacita atas pemergian bekas Exco NUJ dan wartawan Utusan Melayu (M) Berhad, Muhammad Basir Abu Bakar meninggal dunia di Hospital Sultan Idris Shah, Serdang, akibat masalah kesihatan kronik.

Muhammad Basir telah berkhidmat sebagai setiausaha NUJ-Utusan selamat 12 tahun dari 2008 hingga penutupan syarikat tersebut pada October 2019.

Allayarham ketika bertugas sebagai exco NUJM disifatkan sebagai seorang yang berjiwa besar memperjuangkan hak rakan-rakan di dunia kewartawan dan juga selepas penutupan Utusan. Ketika itu, beliau juga disokong rapat oleh isteri beliau, Noor Azlina Jaafar, bekas jurufoto Utusan.

Kami ingin menyampaikan takziah kepada keluarga Allahyarham, sahabat, dan seluruh warga Utusan.

Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman.

Allahyarham Muhammad Basir juga salah seorang penerima CSR ketika sambutan ulangtahun ke-62 NUJM baru-baru ini. Sekarang usaha untuk mengumpul derma untuk anak-anak Allahyarham sedang dijalankan.

Pada tahun 2023, keluarga Allayarham telah kehilangan isterinya Noor Azlina Jaafar yang juga bekas jurufoto Kumpulan Utusan, telah meninggal dunia pada Okt 17.

Bagi Pihak Ahli Jawatankuasa NUJ,

TEH ATHIRA MOHD YUSOF
Setiausaha Agung NUJ

